



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KETUA EKSEKUTIF
CHIEF EXECUTIVE

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Skills Development Fund Corporation
Kementerian Sumber Manusia
Ministry of Human Resources
Pejabat Ketua Eksekutif
Aras 27, Menara Dato' Onn
Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL)
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur



Telefon : 03 – 4047 6008
Faks : 03 – 4047 6108
E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my
Laman Web : <http://www.ptpk.gov.my>

Rujukan Kami : PTPK.BPPL.TVET.600-1/1/1 (15)

Tarikh : 7 Julai 2023

Ketua Eksekutif/ Pengarah/ Pengurus
Penyedia Latihan

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN PENGGANTIAN DOKUMEN JANA'PRENEUR BAGI TUJUAN
TUNTUTAN BAYARAN YURAN SUSULAN 10% BAGI SKIM PEMBIAYAAN
PERKASA TVET 2021

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Perbadanan mengambil maklum bahawa Platform Jana'Preneur (JP) telah ditamatkan berkuat kuasa Januari 2023. Sehubungan dengan itu, bagi tujuan tuntutan bayaran yuran susulan 10% di bawah Skim Pembiayaan PERKASA TVET 2021, pihak YBhg. Datuk/ Datuk/ Datin/ tuan/ puan boleh mengemukakan dokumen berikut bagi menggantikan dokumen Salinan pendaftaran Jana'preneur bagi mewujudkan perniagaan (<https://www.janapreneur.com.my>):

- (i) Salinan pendaftaran sebagai peniaga di mana-mana platform perniagaan dalam talian (*online business*); atau
- (ii) Mengemukakan satu (1) salinan pendaftaran lesen perniagaan atau Salinan Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

3. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Datuk/ Datin/ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pekerja Pemangkin Wadah Malaysia Madani"

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA)

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran

Senarai Semak Tuntutan Yuran Susulan 10 Peratus (%) Selepas Pelatih Tamat Latihan

Skim Perkasa TVET 2021

Bil.	Senarai Dokumen	Telah Disertakan (✓)
1.	Surat Iringan Permohonan Tuntutan Yuran Susulan 10% (menggunakan Kepala Surat (<i>Letterhead</i>) disahkan dan dicap rasmi oleh PL);	
2.	Borang Tuntutan Yuran Susulan 10% (PTPK/PERKASATVET/2021/06);	
3.	Laporan keberkesanan Kursus Selepas Tamat Latihan (PTPK/PERKASATVET/2021/07);	
4.	Ringkasan Laporan Pemantauan keberkesanan Kursus Pelatih (PTPK/PERKASATVET/2021/08);	
5.	Salinan Sijil Tamat Latihan Pelatih atau JPK/T1003	
6.	Salinan Surat Penempatan Pekerjaan Pelatih; atau	
7.	Salinan Surat Tawaran sambung pengajian; atau	
8.	Salinan pendaftaran sebagai peniaga di mana-mana platform perniagaan dalam talian (<i>online business</i>); atau mengemukakan satu (1) salinan pendaftaran lesen perniagaan atau salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) – bagi membuktikan bahawa pelatih bekerja sendiri.**	

Nota

** Dokumen yang dilampirkan hendaklah boleh menunjukkan bahawa perniagaan dijalankan oleh pelatih.

- Sila pastikan dokumen yang dikemukakan mengikut susun atur dan lengkap sebelum dihantar kepada PTPK